



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 27 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Penyewa ditahan kes aniaya kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	6

Penyewa ditahan kes aniaya kucing

Bantu siasatan berhubung penemuan puluhan bangkai dan rangka haiwan itu di sebuah kondominium

SHAH ALAM

Polis menahan seorang suspek lelaki warga tempatan kerana disyaki terlibat dengan kes penemuan puluhan bangkai dan rangka kucing di sebuah rumah sewa di Kondominium Bayu Tasik, Bandar Sri

Permaisuri, Cheras.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, suspek berumur 31 tahun yang merupakan penyewa rumah berkenaan ditahan di Cheras pada Sabtu.

"Siasatan lanjut berhubung kes bangkai kucing ini sedang dijalankan dan suspek direman tiga hari mulai hari ini (Ahad)," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Zam Halim sebelum ini mengesahkan bahawa kertas siasatan berhubung kes puluhan bangkai kucing ditemui sudah dibuka namun identiti suspek masih dalam siasatan.

Sinar Ahad melaporkan aduan bau busuk di

sebuah kondominium di Bandar Sri Permaisuri membawa kepada penemuan puluhan rangka, bangkai, cebisan organ dan daging kisar dipercayai kes kezaliman kucing pada 11 Mac lalu.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika berkata, awalnya beberapa jiran mengadu tidak tahan dengan bau busuk dari rumah sewa yang dihuni seorang lelaki tempatan itu.

Menurutnya, pemilik rumah kemudian membuat pemeriksaan dan terkejut melihat anggota haiwan berbulu itu dalam keadaan tidak cukup sifat.

Selain daging kisar di dalam baldi dan peti ais, terdapat sebuah bilik turut dipenuhi bangkai haiwan yang telah lama mereput.

Polis kemudian menerima laporan berhubung kejadian itu pada 13 Mac lepas dan membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat dan membunuh haiwan.

Laporan Sinar Harian pada Ahad.



Gangguan emosi punca si pelaku zalim

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	6

Gangguan emosi punca si pelaku zalim

SHAH ALAM

Tindakan mencederakan dan menzalimi haiwan dipercayai berpunca daripada gangguan emosi negatif yang lama terpendam akibat perubahan terhadap diri seseorang.

Pakar Psikologi dari Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), Dr Zhooriyati Sehu Mohamad berkata, individu yang memendam perasaan akan mencari alternatif untuk



ZHOORIYATI

melepaskan emosi negatif.

"Jika perkara ini berpanjangan tanpa sebarang kawalan, individu tersebut boleh bertindak mencederakan manusia atau haiwan dan membawa kepada gangguan psikologi iaitu kecelaruan kelakuan.

"Lebih teruk pelaku akan berasa puas dengan membunuh tanpa belas kasihan malah bangga terhadap diri sendiri," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Tambah Zhooriyati, emosi negatif yang terpendam merupakan pembunuh senyap dalam hidup seseorang.

"Sikap memendam perasaan atas pelbagai alasan akan membawa kepada perkara yang kurang baik dan di luar jangkaan.

"Oleh itu, kita digalakkan untuk berkongsi dan meluahkan emosi kita kepada saluran betul.

"Misalnya di Malaysia, kita boleh berhubung dengan Befrienders dan lain-lain saluran yang menyediakan perkhidmatan kaunseling 24 jam," kata beliau.

Ajar erti sabar bela kucing istimewa

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	6

Ajar erti sabar bela kucing istimewa

SEREMBAN - Sepasang suami isteri di sini sanggup mengorbankan masa dan tenaga semata-mata ingin menjaga 12 ekor kucing termasuk dua daripadanya merupakan kucing kelainan upaya (KKU).

Malah, Siti Azila Alias, 38, dan suami, Mohd Shahril Ahmad, 38, turut mengakui kehadiran si comel itu membawa makna yang cukup besar buat mereka terutamanya dalam mengajar erti kesabaran.

"Saya ada dua kucing kelainan upaya yang diberi nama Momot dan Tora di mana Momot ditemui dalam keadaan nyawa-nyawa ikan oleh suami dalam longkang, tiga tahun lalu," katanya.

Menceritakan kembali penemuan Momot, Siti Azila berkata, suaminya gemar memberi makanan kepada kucing jalanan dan Momot salah seekor kucing di situ.

"Bagaimanapun satu hari, kelibatnya tak kelihatan sebelum kami menemui Momot di dalam longkang. Keadaannya

lemah dan doktor sahkan Momot keguguran.

"Anaknya mati dalam perut selepas diserang anjing. Dalam keadaan macam tu, saya ambil keputusan untuk bela Momot sejak tahun 2020," katanya.

Berkongsi perihal Tora, Siti Azila berkata, kucing kesayangannya itu dilahirkan normal, tetapi menghidap masalah saraf tulang belakang ketika berusia empat bulan.

"Disebabkan itu, Tora mula sukar untuk buang air kecil dan selepas dirujuk ke klinik, doktor terpaksa membuat pembedahan memotong perutnya," katanya.

Menurutnya, dia tidak kisah untuk membelanjakan kira-kira RM1,000 setiap bulan untuk kesemua kucingnya termasuk peralatan mencuci perut Tora.

"Dari segi perubatan setakat ini kami banyak habiskan untuk Tora. Kos bagi prosedur Cystostomy atau pembedahan bagi membuka saluran ke pun- di kencing sebelum ini menelan kos lebih RM6,000," katanya.



Momot dan Tora merupakan kucing kelainan upaya yang dibela Siti Azila dan suami.

Norhaeda kongsi rezeki dengan 48 ekor kucing jalanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	6

Norhaeda kongsi rezeki dengan 48 ekor kucing jalanan

KOTA BHARU - Kenaikan kos sara hidup tidak menghalang seorang wanita memelihara 48 ekor kucing jalanan sebagai tanda kongsi kasih dengan 'si bulus'.

Meskipun perlu mengeluarkan belanja sekitar RM1,000 sebulan untuk membeli makanan kucing, Norhaeda Azahari, 48, tetap gigih melaksanakan tugas tersebut.

Norhaeda berkata, sikap mudah kasihan terhadap haiwan itu membuatkan dia akan membawa pulang haiwan berkenaan yang dijumpai di jalanan untuk dijaga.

"Setiap kucing terbiar di rumah ini ada cerita tersendiri. Ada yang kudung kaki, buta mata, berpenyakit kronik dan sebagainya.

"Semua yang saya jumpa di jalanan pada awalnya berwajah buruk, kesihatan terjejas tetapi selepas dirawat, semua berubah sehingga ramai yang berminat untuk dijadikan haiwan

peliharaan," katanya.

Ujar pengusaha dobi itu, dia menganggap haiwan itu seperti ahli keluarga sendiri dengan memberikan nama panggilan yang unik sebagai tanda kasih.

"Antara nama yang diberikan seperti Enek, Nidung, King, Elo, Yang, Leng, Fifi dan bermacam-macam lagi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, gelagat si comel yang menghiburkan dan mencuit hati, membuatkan jiwa berasa tenang sehingga dia sukar berenggang dengan haiwan tersebut.

"Ramai yang bertanya pada saya, apa kelebihan memelihara kucing terbiar dengan kos makanan, perubatan dan sebagainya.

"Jawapan saya mudah, setiap kucing yang hadir dalam hidup membawa rezeki bersama," katanya.

'Hobi' kumpul rangka kucing satu jenayah berat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	16

'Hobi' kumpul rangka kucing satu jenayah berat



ANALISIS
MUKA 16

NOR SYAMIRA LIANA
NOR ASHAHA

Isu penderaan terhadap kucing bukanlah satu perkara baharu, namun baru-baru ini negara dikejutkan dengan penemuan tulang dan organ haiwan berkenaan di sebuah kondominium di Kuala Lumpur. Penemuan yang menyayat hati itu telah membongkar sifat kezaliman manusia terhadap makhluk berbulu tersebut.

Tindakan yang tidak berperikemanusiaan itu juga telah tular di media sosial dan rata-rata mereka menyifatkan perbuatan kejam tersebut hanya dilakukan oleh individu psikopat.

Bukan itu sahaja, ada yang beranggapan individu terbabit mempunyai masalah mental kerana 'hobi' mengumpul rangka kucing sehingga menyediakan satu ruangan khas untuk melakukan perbuatan terkutuk itu.

Masakan tidak, rangka yang ditemukan itu bukan melibatkan satu atau dua ekor kucing sahaja tetapi puluhan dan lebih mengejutkan daging haiwan berkenaan turut dikisar.

Perilaku tersebut benar-benar di luar jangka kerana jiran tetangga mengatakan bahawa suspek merupakan seorang yang begitu menyayangi kucing.

Sekiranya seseorang itu menjadikan alasan untuk melakukan perbuatan kejam kerana tidak menyukai kucing adalah satu jawapan yang sungguh tidak berasas.

Mereka perlu tahu tidak suka dan bertindak zalim adalah dua perkara

yang berbeza.

Andai kata seseorang itu memaklumkan bahawa mereka kurang gemar terhadap kucing, cukup sekadar tidak memberi perhatian sekiranya didekati.

Merujuk kepada laman Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, terdapat kisah wanita dengan seekor anjing dan ia merupakan kisah benar yang disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW.

Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: *"Seorang wanita yang melacur telah melihat seekor anjing pada suatu hari yang panas sambil mengelilingi sebuah perigi. Anjing tersebut juga menjelirakan lidahnya kerana kehausan. Wanita tersebut menanggalkan kasutnya lalu mencedok air dengan kasutnya lalu memberi anjing minum maka telah diampunkan dosanya".* (Riwayat Muslim)

Bukan itu sahaja, laman berkenaan turut menyertakan hadis mengenai empati terhadap haiwan yang ingin disembelih.

Jelasnya, jika ingin melakukan penyembelihan, kita disunatkan mengasah pisau yang mahu digunakan supaya haiwan tersebut tidak merasa sakit.

Berdasarkan kedua-dua hadis tersebut, Islam mengajarkan umatnya untuk berbuat baik kepada kesemua makhluk termasuklah haiwan dan tumbuhan.

Penulis yakin bahawa semua agama menuntut kita untuk mengasihi binatang selagi ia tidak mengancam nyawa.

Justeru, penulis ingin menegaskan selain daripada tuntutan agama, kekejaman terhadap binatang perlu dihentikan kerana negara mempunyai undang-undang yang perlu dipatuhi dan dihormati.

Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015, merupakan akta yang

menjaga hak binatang dan sekiranya seseorang didapati bersalah mendera haiwan termasuklah kucing boleh di-hukum penjara maksimum tiga tahun dan didenda sehingga RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu, orang ramai perlu menjadikan kes-kes penderaan haiwan terdahulu sebagai satu pengajaran yang mana pihak berkuasa di Malaysia tidak ambil mudah terhadap jenayah berkenaan.

Sebagai contoh, seorang pekerja kontrak telah dijatuhi hukuman penjara selama 34 bulan dan denda sebanyak RM40,000 kerana memasukkan kucing ke dalam mesin pengering di sebuah dobi sehingga mati pada 11 September 2018.

Walaupun kucing bukanlah makhluk seperti manusia tetapi mereka juga berhak untuk menikmati kehidupan yang aman tanpa sebarang keganasan.

Hal itu kerana, haiwan berbulu itu sepatutnya dibelai dan dimanja bukannya untuk dcederakan sehingga mengakibatkan maut.

Oleh yang demikian, antara solusi yang boleh dilakukan untuk mengelakkan berlakunya penderaan haiwan adalah memperketatkan lagi undang-undang dengan mengenakan hukuman penjara maksimum 10 tahun.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu menerapkan rasa cinta terhadap kucing kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi.

Di peringkat sekolah pula, guru boleh menekankan tentang implikasi yang boleh diterima oleh seseorang jika melakukan keganasan terhadap haiwan.

Perasaan gerun perlu ada dalam diri supaya mereka takut untuk melakukan perbuatan terkutuk itu.

**Nor Syamira Liana Nor Ashaha ialah wartawan Sinar Harian*

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	8

Harga ayam dijangka naik lagi

Peniaga mungkin jual RM11.50 satu kilogram akibat kurang bekalan sejak awal Ramadan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga ayam dijangka dinaikkan kepada RM11.50 sekilogram (kg) dalam tempoh terdekat susulan kenaikan 20 sen di peringkat ladang bermula hari pertama Ramadan, Khamis lalu.

Tinjauan di sini mendapati ketika ini ayam dijual pada harga RM11 sekilogram sejak awal Ramadan dan peniaga menjangkakan harga meningkat sehingga RM11.50 selepas menerima notis daripada peladang.

Setiasaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata ketika ini berlaku kekurangan bekalan ayam segar hampir 30 peratus di pasaran me-

nyebabkan kenaikan harga bahan mentah itu tidak dapat dielakkan.

Katanya, kekurangan bekalan ayam itu disebabkan benih ayam yang berkurangan kerana dilanda penyakit.

"Memang benar harga ayam segar dari ladang naik 20 sen sejak awal Ramadan lalu, selepas penyetaraan harga dibuat semula.

"Kenaikan harga tidak dapat dielak berikutan ketika ini berlaku kekurangan ayam kira-kira 30 peratus di pasaran tempatan akibat penyakit melanda unggas itu menyebabkan benih ayam berkurangan.

"Sebelum ini harganya dari ladang antara RM8.90 hingga RM9 setiap kilogram (kg), namun sejak awal Ramadan naik kepada RM9.10 atau RM9.20.

"Walaupun berlaku kekurangan bekalan ayam ketika ini, ia tidak terlalu menjejaskan berikutan permintaan dan pembelian ayam turut menurun tidak seperti Ramadan sebelum ini," katanya ketika dihubungi.

Pada 12 Januari lalu, kerajaan dilapor akan meneliti semula harga siling ayam susulan bekalan bahan mentah itu semakin pulih.



Harga ayam dijangka dinaikkan kepada RM11.50 sekilogram dalam tempoh terdekat.

(Foto hiasan)

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, dilaporkan berkata ia bagi membantu pengguna mendapatkan ayam dengan harga lebih murah berbanding harga siling ketika ini RM9.40 sekilogram.

Harga tak pernah turun

Dalam pada itu, peniaga ayam di Pasar Pandan, Edy Ali, 42, berkata kenaikan harga ayam segar

memaksa peniaga menjual bahan mentah itu pada harga RM11 sekilogram sejak awal Ramadan lalu.

Katanya, sebelum Ramadan lalu kebanyakan peniaga menjual bahan mentah itu antara RM9.90 hingga RM10.90 sekilogram.

"Harga ayam memang tak ada turun, mencanak naik sejak awal Ramadan lalu. Memang kebanyakan peniaga tak mampu nak jual pada harga siling sejak sebelum

ini lagi.

"Jika harga ayam sampai pun RM8.90 sebelum ini, bayangkan bagaimana nak jual pada harga RM9.40 padahal kami menanggung kos operasi sangat tinggi.

"Bila harga ayam segar dari ladang naik lagi 20 sen jadi RM9.20 sekilogram, peniaga memang tiada pilihan dan terpaksa jual pada harga antara RM10.80 hingga RM11 sekilogram kepada pelanggan," katanya.

Pemborong had jualan telur akibat kurang bekalan

Kota Bharu: Permintaan telur ayam yang tinggi pada Ramadan ketika bekalan semakin berkurangan memaksa pemborong menghadkan penjualan bahan mentah itu kepada peruncit dan pengguna.

Pemborong telur, Muhammad Zafran Akmal Mohd Zaki, 24, berkata sejak awal Ramadan bekalan telur yang sampai di kedainya di Tunjong di sini, berkurangan.

Katanya, jika sebelum ini kedainya mendapat bekalan dari ladang di Melaka 7,000 papan bagi tempoh seminggu, kini hanya menerima 6,600 papan.

"Bekalan berkurangan sebanyak 400 papan atau lebih kurang enam peratus, sedangkan permintaan pada bulan ini meningkat dua kali ganda berikutan ramai yang membeli untuk buat kuih-muih bagi jualan harian dan membuat biskut raya.

"Kami tidak dapat memenuhi permintaan dan hanya boleh bagi satu papan untuk seorang pembeli.

"Kekurangan bekalan ini kemungkinan pengeluaran telur di ladang yang semakin menurun berbanding sebelum ini," kata-

nya ketika ditemui di kedainya di sini, semalam.

Menurutnya, harga telur juga masih sama sebelum ini iaitu bagi gred A, gred B dan C masing-masing RM13.50, RM12.90 serta RM12.30 sepapan.

Muhammad Zafran Akmal berharap kerajaan mengambil tindakan untuk menangani kekurangan bekalan telur, terutama pada bulan ini dan untuk menghadapi musim perayaan.

Selesai segera masalah

Penjaja makanan, Mohd Noruddin Awang, 60, berkata, bekalan telur berkurangan sejak beberapa bulan lalu, namun dia masih boleh mendapatkan bekalan di kedai pemborong itu.

"Saya menjaja nasi dan telur separuh masak di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong dan memerlukan lebih kurang dua papan telur sehari.

"Saya menggunakan telur gred A, namun bekalan berkurangan menyebabkan saya terpaksa membeli telur gred B. Saya harap kekurangan bekalan telur ini dapat diselesaikan segera," katanya.

Sementara itu, di **Kuala Terengganu**, bekalan telur ayam

mencukupi, namun harganya meningkat berikutan permintaan tinggi terhadap bahan mentah itu.

Peniaga kuih tradisional, Abdul Rasid Mat Ali, 55, di Kampung Pulau Musang, di sini, berkata sebelum ini telur gred A dibeli pada harga RM13.50, namun kini harganya meningkat kepada RM16.

Katanya, pembuatan kuih tradisional seperti nganang, akok dan kuih bakar yang diusahakan sejak tujuh tahun lalu itu memerlukan banyak telur.

"Setiap hari saya menggunakan lebih 600 telur dan perlu ada banyak stok telur.

"Pada Ramadan penggunaan telur meningkat kerana setiap hari saya menyediakan kira-kira 120 nganang, masing-masing 300 akok dan kuih bakar," katanya.

Beliau, walaupun berlaku kenaikan harga telur, masih mudah untuk mendapatkan sumber protein itu.

Katanya, jika sukar memperoleh telur, dia akan menutup gerai kuihnya, namun buat masa ini bekalan masih mudah didapati walaupun dengan harga sedikit mahal.



Muhammad Zafran Akmal menyusun bekalan telur di kedainya di Tunjong, Kota Bharu, semalam.

(Foto Hidayatidayu Razali/BH)

Abdul Rasid yang dibantu isterinya Azizan Mohd Noor, 42, berkata, mungkin penggunaan telur yang meningkat mengakibatkan berlaku peningkatan harga.

"Maklumlah Ramadan, ramai orang berniaga dan menggunakan banyak telur hingga berlaku kenaikan harga.

"Permintaan terhadap kuih-muih yang dijual pada Ra-

madan berlaku peningkatan dan secara tidak langsung penggunaan telur juga akan meningkat," katanya.

Abdul Rasid bersyukur walaupun ada masalah bekalan telur, kuih tradisional diwarisi daripada ibu mentuanya yang mengusahakan pembuatan kuih itu sejak 80 tahun lalu masih mendapat sambutan menggalakkan.

Penyewa kondominium ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	8

Kes bunuh kucing

Penyewa kondominium ditahan

Kuala Lumpur: Polis menahan seorang lelaki bagi membantu siasatan berhubung penemuan puluhan bangkai dan rangka kucing dipercayai dibunuh dalam unit kediaman sebuah kondominium di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin ketika dihubungi, berkata lelaki berusia 31 tahun yang juga penyewa kondominium itu ditahan di sebuah lokasi di Cheras, kelmarin.

"Suspek ditahan di Cheras, semalam (kelmarin) dan dia direman hingga 28 Mac ini untuk membantu siasatan," katanya.

Jumaat lalu, *BH* melaporkan perlakuan tidak berperikemanusiaan itu didedahkan oleh Persatuan Haiwan Malaysia (MAA) menerusi satu kenyataan di Facebook persatuan.

Katanya, perbuatan lelaki berusia 31 tahun dipercayai penyewa rumah itu terbongkar selepas pemiliknya membuat pemeriksaan dan menemui puluhan rangka, organ serta daging kisar haiwan disyaki kucing dalam rumah berkenaan.

Difahamkan, pemilik rumah terpengkil untuk membuat peme-



Puluhan bangkai dan rangka kucing di sebuah rumah sewa di Kondominium Bayu Tasik, Bandar Sri Permaisuri, Cheras.

riksaan selepas menerima aduan jiran yang tidak tahan dengan bau busuk dipercayai datang dari unit kediaman itu.

MAA berkata, pemilik rumah membuat laporan polis berhubung penemuan itu pada 13 Mac lalu.

Bagaimanapun, menurut MAA laporan dibuat tidak dilayan dengan alasan polis tiada kuasa membuat siasatan dan penguatkuasaan walaupun terdapat Seksyen 428 Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa polis. Aduan akhirnya sampai kepa-

da MAA sebelum dipanjangkan kepada Ketua Seksyen Lembaga Kebajikan Haiwan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya supaya satu siasatan dijalankan secara komprehensif, segera dan menyeluruh.

Bagaimanapun, kelmarin Zam Halim berkata, polis sudah membuka kertas siasatan berhubung kes itu mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan (melakukan khianat dan membunuh haiwan) susulan laporan polis diterima pada 13 Mac lalu.

Penyewa kondominium bunuh, lapah kucing ditangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	8

Penyewa kondominium bunuh, lapah kucing ditangkap

KUALA LUMPUR – Perbuatan kejam seorang individu melapah kucing terbongkar sekali gus menyebabkan dia ditahan di sebuah kondominium di Cheras di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, suspek berusia 31 tahun yang ditahan itu merupakan penyewa di kondominium tersebut.

Selain tangkapan, polis menemui puluhan rangka kucing di kediaman suspek.

"Suspek ditahan reman sehingga Selasa ini dan siasatan lanjut mengenainya masih diteruskan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, Persatuan Haiwan Malaysia mendedahkan penemuan puluhan bangkai yang dipercayai kucing yang disimpan di sebuah kondominium.

Presidennya, Arie Dwi Andika memberitahu, perkara tersebut dibongkar susulan aduan pen-



BANGKAI kucing yang ditemui di sebuah kondominium di Kuala Lumpur.

diduk kondominium berkenaan yang terhidu bau busuk.

Difahamkan, pemilik rumah yang melakukan pemeriksaan terkejut menemui puluhan rangka, organ dan bangkai kucing.

Terdapat anggota badan haiwan itu yang dikerat selain daging dikisar di rumah tersebut.

Terdapat sebuah bilik yang turut dipenuhi bangkai haiwan disyaki kucing yang telah reput.

Bekalan ayam berkurangan dijangka berulang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	MD-5

Bekalan ayam berkurangan dijangka berulang

PETALING JAYA: Masalah bekalan ayam dalam pasaran negara dijangka kembali kritikal apabila persatuan penternak ayam di beberapa negeri mengadu tidak cukup bekalan anak ayam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Pedaging Negeri Terengganu, Othman Omar

berkata, beliau menghadapi masalah pengeluaran yang kritikal apabila cuma mampu membela 20,000 ekor anak ayam *day old chick* (DOC) bagi satu pusingan berbanding 50,000 ekor seperti sebelum ini.

Katanya, persatuan yang terdiri daripada 52 penternak itu sebelum ini mampu mengelu-

arkan 1,698,600 ekor ayam pada satu musim pusingan, namun jumlah itu dijangka berkurangan dalam masa terdekat akibat masalah bekalan DOC yang berkurangan secara mendadak.

"Kami tiada data menyeluruh berapa banyak pengeluaran terjejas akibat masalah DOC, kerana penternak-penternak di

bawah persatuan ini ada yang terdiri daripada penternak kontrak dan penternak pasaran terbuka.

"Bila dua kategori berbeza, maka ada kesukaran untuk menyemak data sebab penternak kontrak biasanya akan ada hubungan baik dengan integrator yang membekalkan DOC.

Tapi walau bagaimanapun, memang saya menjangkakan bekalan ayam di Terengganu malah di negeri-negeri lain juga akan bermasalah dalam sedikit masa lagi sebab kekurangan anak ayam untuk ditenak yang dialami ketika ini," katanya.

Bersambung di muka 5

Bekalan ayam berkurangan dijangka berulang

Dari muka 3

Othman berkata, masalah kekurangan ayam di negeri itu ketika ini dapat dilihat apabila banyak pemborong ayam hidup terpaksa membeli ayam dari luar Terengganu bagi memenuhi keperluan pasaran negeri itu.

Sementara itu, seorang pemborong ayam hidup di Terengganu yang dihubungi mengesahkan berlaku masalah kekurangan bekalan ayam yang serius apabila syarikatnya sukar mendapatkan bekalan ayam hidup dari ladang-ladang tempatan.

Sumber yang enggan namanya disiarkan itu berkata, sejak beberapa minggu kebelakangan ini, syarikatnya mengalami kekurangan kira-kira 2,000 ekor ayam berbanding sebelum ini.

"Sekarang, satu bakul ayam cuma diisi tujuh ekor ayam hidup berbanding 10 ekor. Bermakna kurang tiga ekor. Dalam sehari, syarikat saya mengalami kekurangan 1,500 hingga 2,000 ekor ayam. Ladang-ladang tak cukup ayam," katanya.

Pada masa sama, akhbar ini turut menghubungi sebuah persatuan ternakan ayam di



PENIAGA ayam golek membakar ayam untuk menu berbuka puasa di Bazar Ramadan Stadium Shah Alam semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Selangor yang turut mengesahkan berlaku kekurangan anak ayam yang kritikal, malah menjangkakan negara bakal berdepan isu krisis ayam dalam sedikit masa lagi.

Kata sumber, pihaknya mengalami kekurangan anak ayam untuk dibela sehingga 20 peratus berbanding empat juta ekor anak ayam pada satu pusingan.

"Sebelum ini, di bawah persatuan kami, ladang-ladang mengeluarkan empat juta

ayam. Tapi sekarang, DOC kami berkurangan 20 peratus iaitu kira-kira satu juta ekor anak ayam. Jadi, kami cuma mampu mengeluarkan tiga juta ekor saja untuk pusingan kali ini," kata sumber.

Dalam pada itu, semakin dengan satu syarikat pengeluar telur di Selangor turut mendapati masalah kekurangan DOC turut melanda sektor ayam telur.

Sumber syarikat itu berkata, dalam lawatan ke Bangkok,

Thailand baru-baru ini bagi menghadiri seminar ternakan, difahamkan punca kekurangan anak ayam akibat wabak selesema burung yang sebelum ini menyerang negara pembekal stok induk tuai atau *parent stock* (PS) di hemisfera utara, kini sudah mula menyerang Kemboja.

"Walaupun ladang di Malaysia tak ambil PS dari Kemboja, namun fenomena wabak sebegini menjejaskan bekalan DOC. Wabak yang sampai ke Kemboja dari negara hemisfera utara itu jelas menunjukkan bahawa masalah berkaitan unggas ini bukan isu kecil, ia berpotensi mewujudkan krisis makanan global.

"Kesannya mengakibatkan pengimport PS dalam negara ini berdepan masalah kekurangan stok induk tuai untuk menghasilkan anak ayam.

"Sekarang, ladang-ladang kontrak berdepan masalah kekurangan bekalan anak ayam, harganya pula melambung tinggi mencecah RM3.80. Dengan semua masalah yang melanda, apakah kerajaan menjangkakan kami boleh mengoptimalkan pengeluaran?" katanya.

Makanan kucing juga perlu pengesahan halal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Halal Niaga	23

MAKANAN KUCING JUGA PERLU PENGESAHAN HALAL

OLEH kerana ramai pencinta kucing dalam kalangan orang Islam, bagaikan menjadi keperluan untuk makanan haiwan kesayangan itu mendapat pensijilan halal.

Presiden Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (Adabi), Adrian Roslan berkata, pensijilan halal untuk makanan kucing juga memainkan peranan penting kerana ramai yang memilih produk makanan kucing keluaran Adabi, Powercat yang diklasifikasi halal.

"Kami telah berjaya mendapatkan pensijilan halal untuk Powercat dari Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal Indonesia (BPJPH) kerana mereka mempunyai kategori untuk makanan haiwan.

"Buat masa ini, Jakim masih belum mengeluarkan pensijilan halal untuk makanan kucing. Membuka satu kategori baharu itu mungkin mengambil masa jadi kami memang menunggu," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya, tidak dinafikan isu halal bagi makanan kucing ini juga dititikberatkan oleh pengguna kerana mereka tidak tahu apakah sumber makanan kucing yang berada di pasaran.

"Ketika kami menjalankan kajian sebelum ini, kami dapati ada juga pengguna yang agak sensitif sehingga memakai sarung tangan apabila perlu menyentuh makanan kucing.

"Ini kerana mereka tidak

"PENCINTA KUCING MEMANG SANGGUP BERHABIS UNTUK KUCING KESAYANGAN MEREKA, JADI SAYA LIHAT JAMINAN HALAL INI SEBAGAI SATU DAYA PENARIK YANG BERKESAN DI PASARAN."

tahu sama ada makanan kucing itu diperbuat daripada sumber yang halal ataupun tidak. Jika tidak halal, sudah menjadi satu masalah kepada mereka.

"Pencinta kucing memang sanggup berhabis untuk kucing kesayangan mereka, jadi saya lihat jaminan halal ini sebagai satu daya penarik yang berkesan di pasaran," ujarnya.

Sementara itu, ditanya mengenai proses mendapatkan serta mengekalkan pensijilan halal, Adrian berkata, Adabi telah mendapatkan pensijilan halal dahulu sebelum memulakan perniagaan serta penjualan produk.

"Untuk mendapatkan pensijilan halal bukan mudah kerana kita

perlu melihat kepada sumber bahan mentah yang diperoleh dan digunakan dalam pembuatan produk adalah halal, contohnya ayam yang diyakini disembelih terlebih dahulu.

"Disebabkan itu, kami sentiasa memastikan pembekal menggunakan sumber yang halal kerana tidak mahu timbul isu di kemudian hari. Ini selaras dengan komitmen syarikat dalam menghasilkan produk makanan yang selamat dan berkualiti tinggi kepada pengguna," katanya.



MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34

Harga telur di Pulau Banggi cecah RM22 sepapan

KOTA KINABALU: Harga telur mencecah RM21 hingga RM22 sepapan apabila dijual di kedai-kedai runcit di Kampung Karakit, Pulau Banggi, Kudat.

Bukan setakat telur, harga barang basah seperti ayam juga dijual pada harga yang lebih mahal iaitu sehingga RM19 sekilogram bagi sayap ayam.

Kos barangan yang mahal itu membuatkan pengusaha gerai makan, Sudirman Amat, 42, dan isterinya Malisa Omar, 32, terbeban.

Beliau berkata, mereka boleh mendapatkan bahan basah di Pekan Kudat namun, kos pengangkutan juga perlu diambil kira.

"Jadi, kami tiada pilihan selain terpaksa membeli barangan dengan harga yang jauh lebih mahal di kedai runcit di pulau ini.

"Bayangkan tambang untuk seorang adalah RM46 untuk pergi dan balik dari Karakit ke Pekan Kudat. Jadi, cara untuk pusing modal jualan terpaksa turun ke tanah besar sebulan sekali bagi mendapatkan barang keperluan," katanya ke-

pada *Utusan Malaysia*.

Menurut Malisa, semasa mula-mula berpindah ke Karakit selepas berkahwin empat tahun lalu, musim perayaan antara masa yang paling sukar mendapatkan bahan basah seperti ayam dan daging.

"Setiap kali Hari Raya Aidilfitri, kedai-kedai runcit di kampung akan tutup selama dua hari. Keadaan itu menyebabkan sebahagian penduduk terputus bekalan ayam dan daging.

"Selagi kedai runcit di kampung tidak dibuka maka, juadah raya tidak akan terhidang atas meja," katanya.

Jelas Malisa, bukan semua keluarga mampu untuk ke Pekan Kudat membeli barang-barang persiapan Aidilfitri, tambah-tambah lagi keluarga yang besar kerana kos pengangkutan sahaja boleh mencecah ratusan ringgit.

Pulau Banggi yang mempunyai kira-kira 30,000 orang penduduk hanya boleh diakses menggunakan feri dari pekan Kudat yang mengambil masa lebih sejam perjalanan.



SUDIRMAN Amat bersama isteri, Malisa Omar berniaga gerai makan di Kampung Karakit, Pulau Banggi, Kudat.

Kotor: Rumah sembelihan, kilang roti diarah tutup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34

Kotor: Rumah sembelihan, kilang roti diarah tutup

KOTA KINABALU: Dua buah rumah sembelihan ayam dan empat kilang roti diarah tutup oleh Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Sandakan serta merta akibat gagal memastikan persekitaran premis berada dalam keadaan bersih.

Pegawai Kesihatan Kawasan Sandakan, Dr. Johari Awang

Besar berkata, kesalahan yang dikenal pasti termasuk pekerja tidak memiliki kad kesihatan serta sijil kursus pengendalian makanan, lantai bangunan licin, berlumut dan kotor manakala perkakas serta peralatan tidak diselenggara dengan baik.

Menurutnya, sebanyak 10

kilang diperiksa dalam operasi yang dilakukan sepanjang awal bulan ini.

"Hasil pemeriksaan mendapati dua rumah sembelihan dan empat kilang roti gagal terlibat gagal mematuhi peraturan di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan Peraturan 9 di bawah Peraturan-Peraturan

Makanan 1985.

"Pemeriksaan juga mendapati sistem perparitan tidak berfungsi dengan baik dan pengurusan sampah serta sisa buangan tidak diurus dengan sempurna, justeru, kesemua enam premis itu diarah tutup selama 14 hari untuk membolehkan kerja-kerja pembersihan

dilakukan," katanya.

Menurut beliau, pihaknya turut mengeluarkan enam notis kompaun kepada semua pemilik premis yang terlibat kerana gagal mengadakan Program Jaminan Keselamatan Makanan seperti yang diwajibkan terhadap semua kilang proses makanan.

'Animal lover' nabbed over cat skeletons and carcasses

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	3

'Animal lover' nabbed over cat skeletons and carcasses

KUALA LUMPUR: A 31-year-old man has been detained over the discovery of tens of cat skeletons, organs and carcasses in a condominium unit in Bandar 'Sri Permaisuri, Cheras, here.

Cheras OCPD Asst Comm Zam Halim Jamaluddin said the suspect was arrested on Saturday.

"He has been remanded until Tuesday.

"We are investigating the case under Section 428 of the Penal Code for mischief by killing or maiming animals," he said when contacted yesterday.

ACP Zam Halim added that police received a report on the incident on March 13.

"We urge those with information to come forward to assist in our investigation," he said.

Last Friday, the Malaysia Animal Association (MAA) said in a post on its Facebook page that a homeowner had made a gruesome discovery of skeletal cat remains, organs and carcasses in a condo unit rented by the suspect.

The incident came to light after condo residents complained about a foul stench coming from the unit.

MAA also urged the Veterinary Services Department to conduct a thorough investigation into the matter.

According to neighbours, the 31-year-old man believed to be involved in the case was described as an "animal lover".

Bernama reported that a neighbour who lived on the same floor, Halijah Ahmad, said the man had kept cats as pets.

"He used to be chubby but over the past one or two months, he had lost weight and looked unkempt.

"When I asked him about his appearance, he told me that he was sick and needed to go to the hospital for treatment," the 63-year-old added.

Watch the video
TheStarTV.com

